

PERPADUAN MEMBAWA KETEGUHAN, DISIPLIN PAJAK DAN KEMAJUAN

# Harga petrol, diesel naik

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kerajaan hari ini mengumumkan harga baru bagi minyak premium sebanyak **\$3.69** segelen — kenaikan 21 sen, regular **\$3.35** (25 sen), diesel **\$1.30** (10 sen) dan minyak tanah **\$1.30** segelen (20 sen).

Harga baru bagi jualan runcit itu akan berkuatkuasa mulai esok.

Harga tersebut adalah bagi Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kilang-kilang penapis minyak, manakala bagi kawasan dan negeri lain harga bahan tersebut tinggi sedikit kerana belanja pengangkutan.

Demikian diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar, di Bilik Gerakan, Jabatan Perdana Menteri petang ini.

Harga baru yang ditetapkan ini adalah kaikan kali kedua dalam tempoh tiga bulan berikutan dengan kenaikan harga minyak mentah sebanyak 24 peratus oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) awal Julai lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi dan hasil yang tidak dapat dipungut balik berjumlah \$341 juta setahun.

Ini merupakan kenaikan sebanyak \$31 juta daripada jumlah subsidi yang diumumkan oleh Kerajaan pada 2 Jun lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, berikutan dari kenaikan harga minyak OPEC, kesemua lima buah syarikat minyak di Semenanjung Malaysia telah membuat permohonan kepada Kerajaan untuk me-

Oleh NORDIN MOHAMAD

naikkan harga runcit minyak petrol jenis premium, regular, diesel dan minyak tanah sebanyak 27.1 sen satu gelen.

Katanya, Kerajaan telah mengajal permohonan syarikat-syarikat minyak itu dan berpuashati bahawa terdapat asas yang mencukupi bagi membolehkan kenaikan harga barang-barang petrolam di Semenanjung Malaysia.

Menurutnya, semasa mengambil keputusan, Kerajaan mengambil kira tiga faktor berikut:

①Kedudukan bekalan minyak mentah dunia yang meruncing pada masa ini, disebabkan keadaan ini, Kerajaan mendapati adalah perlu diadakan satu struktur harga yang akan menjamin bahawa Malaysia akan menerima bekalan minyak yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara;

②Semenanjung Malaysia pada masa ini mengimpot sebahagian daripada keperluan minyak petrolnya dalam bentuk keluaran yang telah ditagis daripada Singapura dan ini khususnya terjadi dalam soal minyak diesel dimana 88 peratus daripada keperluan negara adalah diimpot; dan

③Harga semasa bagi barang-barang petrolam di Singapura dan Thailand adalah tinggi.

Harga bagi segelen minyak premium di Singapura ialah \$3.90.6 sen; regular \$3.63.8 sen dan diesel \$1.82.9 sen segelen.

Harga di Thailand pula ialah: Di Haadyai minyak premium \$3.93 sen segelen; regular \$3.74 sen; diesel \$2.48 sen dan minyak tanah \$2.57 sen segelen.

Di Golok harga bahan tersebut lebih tinggi iaitu minyak premium \$4.01 sen segelen, regular \$3.82 sen, diesel \$2.57 sen dan minyak tanah \$2.54 sen segelen.

## 25 sen sebotol

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaakan, dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut, Kerajaan telah membuat keputusan harga runcit bagi barang-barang petrolam yang baru akan berkuatkuasa mulai esok.

Beliau menjelaskan sunggupun harga baru minyak tanah naik 20 sen menjadi \$1.30 segelen, tetapi orang ramai masih boleh membeli dengan harga 20 sen bagi sebotol.

Menurutnya, kenaikan minyak tanah itu dirakakan wajar memandangkan bahan itu boleh digunakan oleh kilang-kilang perusahan dan kemungkinan pihak pengilang menggunakan bahan itu untuk perusahan mereka jika ia tidak dinaikkan harga sama dengan diesel.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, harga-harga baru minyak itu adalah termasuk sebahagian subsidi secara langsung ataupun hasil yang tidak dapat dipungut melalui pengurangan duti-duti impot/eksaus dan cukai tokok.

Katanya, duti eksaus ke atas minyak petrol jenis premium dan regular telah dikurangkan sebanyak 10 sen, iaitu daripada \$1.41 kepada \$1.31 sen satu gelen, dan dijangka akan membebankan Kerajaan sebanyak kira-kira \$11 juta setahun.

Menurutnya, duti impot ke atas minyak petrol jenis premium dan regular telah dikurangkan sebanyak 20 sen — daripada \$1.61 kepada \$1.41 sen segelen.

Dalam hubungan, syarikat-syarikat minyak telah diberi pengecualian cukai tokok sepenuhnya ialah sebanyak 5 peratus ke atas kedua-dua bahan itu.

Beliau memberitahu, subsidi yang diberi ke atas minyak diesel telah ditambah sebanyak 33 sen iaitu daripada 13 sen kepada 46 sen segelen, dan ini dijangka akan membebankan Kerajaan sebanyak \$90 juta setahun.

Manakala subsidi yang diberi ke atas minyak tanah juga telah ditambah sebanyak 20 sen segelen daripada 20 sen kepada 40 sen, dan dijangka membebankan Kerajaan sebanyak \$99 juta setahun.

Bahan asal dari Arkit  
Negara Malaysia

No Siri ..... 2157  
No Penerimaan ..... 333/82